

M.P.U. 6/2004
KAEDAH-KAEDAH TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (SULH) 2004

Kaedah 5. Tatacara sulh.

- (1) *Sulh* hendaklah diadakan dalam suatu Majlis yang dihadiri oleh kedua-dua pihak dan dipengerusikan oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai awam yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie bagi maksud itu.
 - (2) Dalam Majlis *Sulh*, pihak-pihak hendaklah hadir sendiri dan tiada Peguam Syarie boleh hadir atau bertindak sedemikian bagi mana-mana pihak dan tiada bagi sesuatu pihakpun boleh diwakili oleh mana-mana lain tanpa kebenaran Pengerusi.
 - (3) Pengerusi hendaklah, bila mana mungkin, membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian yang menjadi hal perkara *sulh* tersebut dan hendaklah memberi setiap mereka peluang untuk didengar, mengambil keterangan daripada pihak-pihak itu, menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan dan boleh, jika difikirkan perlu, menangguhkan Majlis itu dari semasa ke semasa.
-